

## **ANALISIS METAFORA DALAM PENAFSIRAN IDEOLOGI DALAM WACANA MANIFESTO PAKATAN HARAPAN**

Tengku Shahrolnizam Tengku Yahya  
Rohaidah Haron  
*Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya*  
[tstengku@hotmail.com](mailto:tstengku@hotmail.com), [eyda1826@um.edu.my](mailto:eyda1826@um.edu.my)

### **ABSTRAK**

Aspek metafora yang dimanfaatkan dalam wacana dapat menjelaskan sesuatu perkara yang bukan lumrah untuk lebih mudah difahami. Selain dapat menjadikan wacana indah dari segi bahasa, metafora yang digembleng dalam wacana dapat membantu penyampaian ideologi sesuatu parti. Kajian ini merupakan kajian analisis wacana kritis yang bertujuan untuk menafsir ideologi yang tersirat dalam wacana manifesto Pakatan Harapan. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti aspek metafora dalam wacana manifesto Pakatan Harapan serta menganalisis metafora dalam wacana tersebut. Dengan berpandukan konsep wacana yang dibangunkan oleh beberapa orang penahu, maka terdapat empat metafora yang telah digembleng dalam wacana manifesto Pakatan Harapan, iaitu metafora perbuatan, metafora air, metafora pertanian dan metafora peperangan. Keempat-empat metafora ini telah digembleng oleh pewacana dalam usaha memperjuangkan ideologi menyejahterakan rakyat. Keupayaan pewacana memanfaatkan aspek metafora secara tidak langsung dapat mempermosikan ideologi Pakatan Harapan kepada rakyat dengan lebih jelas dan tersusun

***Kata Kunci*** : *metafora, wacana, kritis, ideologi, Pakatan Harapan*

### **Pengenalan**

Metafora merupakan aspek leksikal yang mempunyai fungsi tersendiri dalam wacana. Sebagai elemen tekstual yang penting dalam wacana, metafora sering dimanfaatkan oleh pewacana dalam penghasilan teks. Menurut Henry Guntur Tarigan (1993, p.121) metafora merupakan perbandingan dua hal atau benda untuk menciptakan suatu kesan mental yang hidup. Di dalam metafora, terdapat dua idea, iaitu yang pertama ialah kenyataan, iaitu sesuatu yang difikirkan yang menjadi objek, manakala idea yang kedua merupakan perbandingan terhadap kenyataan yang menggantikan yang belakang menjadi yang terdahulu. Antara contoh metafora seperti *jinak-jinak merpati, mereka ditipu celaka* dan *aku terus memburu untung* (Henry Guntur Tarigan, 1993, p.121)

Bertitik tolak daripada kepentingan metafora dalam wacana, maka kajian ini dilakukan untuk menganalisis metafora yang terdapat dalam wacana manifesto Pakatan Harapan. Justeru, fungsi dan peranan metafora akan diketengahkan dalam kajian ini terutama dalam menafsir ideologi yang ingin diperjuangkan oleh Pakatan Harapan dalam wacana manifesto mereka. Berdasarkan analisis praktis sosial yang telah dilakukan terhadap wacana manifesto Pakatan Harapan, terdapat dua ideologi yang telah ditafsir menerusi Perkara Manifesto (PM) yang telah disenaraikan dalam wacana tersebut, iaitu ideologi menyejahterakan rakyat dan ideologi pentadbiran berintegriti. Bagi

keperluan makalah ini, tumpuan akan diberikan terhadap ideologi menyejahterakan rakyat dan penafsiran ideologi tersebut digembleng dengan memanfaatkan aspek metafora.

### **Konsep Metafora**

Menurut Rohaidah Haron (2016, p.108) metafora digunakan dalam teks untuk memperjelas, menghuraikan dan menerangkan sesuatu perkara atau idea yang kurang lumrah atau asing. Menurut Fairclough (1989, p.99-100), metafora merupakan aspek yang berkaitan pengalaman kehidupan yang biasa digunakan dalam puisi dan wacana kesusasteraan, namun aspek pengalaman yang diwakili metafora amat menarik kerana metafora mempunyai pendekatan ideologi yang berbeza. Menurut Asmah Omar (2003, p.87), metafora lazimnya berkaitan konflik yang dimanfaatkan untuk menyatakan kemarahan, kebanggaan, ketidaksyukuran, kekecewaan, perasaan tidak terkawal, perasaan tertekan, balas dendam, kebencian dan sebagainya. Terdapat empat konsep metafora yang boleh dikaitkan dengan ideologi menyejahterakan rakyat yang diperjuangkan oleh Pakatan Harapan, iaitu metafora perbuatan, metafora air, metafora pertanian dan metafora peperangan.

### **Metafora Perbuatan**

Menurut Rohaidah Haron (2012, p.126), konsep metafora perbuatan melibatkan sesuatu tindakan yang dilakukan dengan memanfaatkan leksikal kerjaan. Antara contoh metafora perbuatan yang memanfaatkan leksikal kerjaan seperti menyahut panggilan parti, menongkah arus politik, memenangi hati, mengembangkan sayapnya dan menjuarai segala dasar (Rohaidah Haron, 2016, p.111).

### **Metafora Air**

Menurut Yoga Yolanda (2018,) metafora air berkaitan corak pemikiran masyarakat yang memanfaatkan sifat air seperti kualiti dan kuantiti air, pergerakan air, keberadaan air dan fungsi air sebagai ekspresi untuk menjelaskan konsep lain yang bersifat abstrak atau tidak familier. Terdapat empat tujuan pemanfaatan air dalam wacana, antaranya adalah untuk menjelaskan ukuran rezeki, kemampuan, ilmu, nasihat, dan masalah, kedua metafora air untuk menjelaskan kepastian dan masalah, ketiga untuk menjelaskan perasaan, hubungan antara manusia dan pekerjaan dan terakhir bertujuan untuk menjelaskan pekerjaan dan nilai (Yoga Yolanda, 2018).

### **Metafora Pertanian**

Menurut Ishak Bagea (2010, p.51) metafora pertanian merupakan satu daripada medium yang digunakan untuk mewariskan nilai-nilai budaya, adat-istiadat, nasihat, fikiran, perasaan mahupun perkara yang menjadi kebiasaan dalam kehidupan seharian. Dalam metafora pertanian tentang padi misalnya, aspek metafora yang dikaitkan seperti ekosistem manusia dengan unsur metafora yang mempunyai medan semantik dengan binatang, tumbuhan, benda mati, tenaga, kosmos dan manusia yang dikaitkan dengan bidang pertanian padi seperti mata pencarian, organisasi sosial, sistem pemerintahan agama dan kepercayaan (Ishak Bagea, 2010, p.51).

## Metafora Peperangan

Menurut Asmah Omar (2003, p.95), metafora peperangan lazimnya berkaitan konflik dan tindakan konflik yang memanfaatkan metafora sebagai konsep yang merujuk aktiviti bersifat konflik seperti berjuang, bergelut, bermati-matian, berada di barisan hadapan, tamparan dan pukulan. Metafora peperangan *berjuang* misalnya berkaitan sesuatu yang dilakukan dengan bersungguh-sungguh atau kerja keras (*very hard*) (Asmah, 2003, p.96).

## Kajian Literatur

Asmah Omar (2003) dalam kajiannya bertajuk *Concepts of conflict, war and peace in the Malay language* telah menjelaskan beberapa konsep yang dapat dikaitkan dengan unsur metafora dalam bahasa Melayu. Kajian ini telah memperincikan pelbagai konsep dalam bahasa Melayu seperti konflik, peperangan dan keamanan yang dihubungkan dengan aspek berbahasa dalam menyampaikan makna. Kajian ini menjelaskan bahawa penggunaan metafora dalam bahasa Melayu bertujuan untuk menunjukkan kemarahan, kesombongan, tidak berterima kasih, kekecewaan, perasaan, balas dendam dan sebagainya.

Ishak Bagea (2010) dalam kajiannya yang bertajuk *Metafora dalam bidang pertanian padi masyarakat Dayak Buket Kabupaten Kutai Barat Kalimantan Timur* telah mengkaji penggunaan metafora dalam kalangan masyarakat Dayak. Kajian ini dilakukan di daerah Kabupaten Kutai Barat di Kalimantan yang melibatkan masyarakat Dayak yang terlibat dalam aktiviti pertanian padi. Kajian ini bertujuan untuk menjelaskan bentuk dan jenis metafora berdasarkan unsur-unsur padi sekali gus menggambarkan cara hidup masyarakat Dayak yang terlibat dalam aktiviti pertanian. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa masyarakat Dayak menghasilkan metafora dalam bentuk verba menerusi kata nama atau frasa nama dan kata adjektif atau frasa adjektif.

Nirwana Sudirman et.al (2017) dalam kajian yang bertajuk *Metafora konsepsi dan skema imej sebagai cerminan pemikiran dan kehidupan orang Melayu* telah mengutarakan fungsi metafora dalam kehidupan masyarakat Melayu seharian menerusi pengamalan pantun. Data yang dikaji diambil daripada pantun Melayu yang termuat dalam buku *Kurik Kundi Merah Saga* terbitan DBP. Dalam pantun yang dikaji, terdapat pelbagai metafora yang jelas menggambarkan perenggu minda orang Melayu seperti kasih sayang, adat, kiasan, nasihat, perantauan, jenaka, peribahasa, budi, agama, kepahlawanan dan juga perniagaan. Berdasarkan dapatan kajian ini, terdapat tiga jenis metafora konsepsi yang dikesan hadir dalam pantun *Kurik Kundi Merah Saga*, iaitu metafora ontologi, orientasi dan struktural.

Yoga Yolanda (2018) dalam kajiannya yang bertajuk *Metafora air dalam peribahasa Indonesia: Kajian semantik kognitif* telah memperincikan metafora air dalam peribahasa Indonesia. Kajian yang mengaplikasikan teori kajian semantik kognitif bertujuan untuk melihat konseptualisasi yang dilakukan masyarakat Indonesia ketika menggunakan metafora air melalui peribahasa. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa metafora air digunakan untuk menjelaskan berbagai-bagai hal secara meluas terutama dalam pendidikan. Hasil penelitian ini dapat dimanfaatkan guru sebagai bahan dalam pembelajaran puisi lama atau puisi rakyat, serta dapat dijadikan bahan untuk menyusun karya-karya sastra lain, misalnya cerpen atau puisi.

## **Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah untuk,

- i. Menenal pasti aspek metafora dalam wacana manifesto Pakatan Harapan
- ii. Menganalisis aspek metafora dalam wacana manifesto Pakatan Harapan

## **Metodologi Kajian**

Dalam kajian ini, kaedah kualitatif dan kuantitatif telah digabungkan bagi mengukuhkan dapatan kajian. Kaedah kualitatif digunakan kerana melibatkan analisis tekstual. Kajian ini bersifat analisis teks kerana melibatkan analisis wacana manifesto pilihan raya dengan meneliti aspek metafora dalam manifesto Pakatan Harapan. Kaedah kuantitatif yang diaplikasikan dalam kajian ini pula melibatkan pengiraan data kajian yang terkandung dalam analisis tekstual. Walaupun kajian ini bersifat deskriptif, namun data-data yang telah dikenal pasti perlu disokong dengan angka-angka tertentu agar penjelasan yang dinyatakan dapat diperkukuh dengan bukti tertentu seperti dalam bentuk jumlah kekerapan dan peratusan. Dalam analisis tekstual misalnya, aspek metafora diketengahkan dalam kajian ini perlu dibuktikan dengan jumlah kekerapan dan peratusan aspek-aspek tersebut agar dapat memantapkan dapatan kajian. Oleh itu, kaedah kuantitatif berfaedah untuk menggambarkan fenomena sosial yang sebenar di samping dapat membantu penyelidik membuat penjelasan dengan lebih mendalam.

## **Bahan Kajian**

Kajian ini memanfaatkan bahan bercetak, iaitu manifesto Pakatan Harapan sebagai data atau bahan kajian. Wacana manifesto yang dikenali sebagai Buku Harapan bertemakan Membina Negara dan Memenuhi Harapan ini diterbitkan pada tahun 2018, iaitu menjelang PRU ke-14 dan mempunyai ketebalan 203 halaman. Wacana manifesto Pakatan Harapan ini diterbitkan dan dicetak secara bersama oleh Parti Keadilan Rakyat, Parti Tindakan Demokratik, Parti Pribumi Bersatu Malaysia dan Parti Amanah Negara yang beralamat di A-01-09 Merchant Square, Jalan Tropicana Selatan 1, Tropicana, 46050 Petaling Jaya, Selangor.

## **Dapatan dan Perbincangan**

Dalam wacana manifesto Pakatan Harapan, pemanfaatan metafora bukan setakat untuk mewujudkan keindahan dari aspek bahasa, namun perkara yang jauh lebih penting ialah penggemblengan metafora dalam wacana dapat membantu menafsir proses sosial, khususnya ideologi sesuatu parti. Dalam wacana manifesto Pakatan Harapan, metafora muncul sebagai aspek tekstual yang dominan dan konsisten terutama dalam membantu menafsir ideologi menyejahterakan rakyat yang diperjuangkan oleh Pakatan Harapan dalam PRU ke-14. Berdasarkan **Jadual 1**, jumlah 44% pemanfaatan metafora daripada keseluruhan aspek leksikal membuktikan bahawa aspek ini signifikan untuk dikaitkan dengan ideologi menyejahterakan rakyat yang diperjuangkan oleh Pakatan Harapan. Terdapat empat jenis metafora telah digembleng dalam wacana ini, iaitu metafora perbuatan, air, pertanian dan peperangan. Metafora yang paling banyak dimanfaatkan ialah metafora perbuatan, iaitu 64% daripada keseluruhan metafora, yang kedua metafora pertanian sebanyak 24%, metafora air 8% dan metafora peperangan 4%. Keempat-

empat metafora ini dibincangkan dalam bahagian selanjutnya. Berikut dibincangkan keempat-empat metafora tersebut.

PM	Metafora perbuatan	Metafora Air	Metafora Pertanian	Metafora Peperangan
1	3			
2	6		1	1
3	2		1	
4	5			
5	2			
6				
7		1		
8	2	1		
9				
10				
11				
12	1		2	
13	1			
14				
15	1		1	
16				
17	1			
19			1	
31			1	
35				
36				
38	4		2	
39			2	1
41				
42				
43	1	1		
44		1		
45				
46	2			
47	1			
51				
52			1	
53	1			
54				
55				
58				1
60		1		
62				
63		1		
64				
65			3	
66	1			
67				
72	1			
75				
76				
77	1			
78	4			
79	1			
80	1		1	
81				
82				
83	1			
84	2			
85				
86	1			
87	1		1	
88				
89				
90	1		1	

91	1			
Jumlah	49 (64%)	6 (8%)	18 (24%)	3 (4%)
Jumlah metafora	76		Jumlah aspek leksikal	173
% Metafora	44 %			

**Jadual 1** : Metafora dalam Wacana Manifesto Pakatan Harapan

### **i. Metafora Perbuatan**

Penafsiran ideologi dalam wacana manifesto Pakatan Harapan dapat diteliti menerusi pemanfaatan metafora perbuatan. Menurut Rohaidah Haron (2012, p.126), konsep metafora perbuatan melibatkan sesuatu tindakan yang dilakukan dengan memanfaatkan leksikal kerjaan. Menurut Rahman Shaari (1993, p.3), unsur metafora juga boleh dikaitkan dengan kata kerja yang umumnya dilakukan oleh manusia.

Berdasarkan penelitian terhadap wacana manifesto Pakatan Harapan, pemanfaatan metafora perbuatan dalam wacana ini lazimnya melibatkan tindakan atau perbuatan Pakatan Harapan untuk mempamerkan ideologi yang ingin disampaikan. Daripada keseluruhan metafora yang terdapat dalam Perkara Manifesto menyejahterakan rakyat, metafora perbuatan telah wujud sebanyak 64% dalam data kajian. Metafora ini paling banyak wujud dalam PM2, iaitu sebanyak 6 kali, diikuti PM4 5 kali, PM38 dan PM78 sebanyak 4 kali, PM1 3 kali. Metafora perbuatan juga wujud sebanyak 2 kali dalam PM3, PM5, 8, PM46 dan PM84, manakala dalam PM12, PM13, PM15, PM17, PM43, PM47, PM53, PM66, PM72, PM77, PM83, PM86, PM87, PM90 dan PM91 diulang sekali. Hal ini membuktikan bahawa metafora perbuatan penting untuk diketengahkan dalam menafsir ideologi. **Jadual 2** memaparkan data yang mengandungi unsur metafora perbuatan yang dapat ditafsir sebagai ideologi menyejahterakan rakyat.

<b>Perbuatan / Kata Kerja</b>	<b>Keterangan</b>
<b>PM2P12A1</b> <i>membersihkan</i>	Malaysia daripada rasuah dan kleptokrasi serta memacu pertumbuhan ekonomi mapan
<b>PM3P9A3</b> <i>membangunkan</i>	ekonomi negara
<b>PM4P4A1</b> <i>membentuk</i>	masa depan Malaysia yang lebih baik untuk semua
<b>PM4P4A1</b> <i>memacu</i>	agenda reformasi berterusan untuk membentuk masa depan Malaysia yang lebih baik untuk semua
<b>PM38P5A2</b> <i>mencipta</i>	peluang pekerjaan baru dan menarik lebih banyak pelaburan
<b>PM43P2A2</b> <i>merancakkan</i>	pembangunan ekonomi untuk mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan
<b>PM47P2A1</b> <i>mengangkat</i>	martabat serta membela hak komuniti Orang Asal.
<b>PM60P12A1</b> <i>membangunkan</i>	aliran teknikal dan vokasional

<b>PM72P1A2</b> <i>membawa</i>	wasasan mahu mempertingkatkan kedudukan ekonomi orang Melayu
<b>PM78P7A16</b> <i>membangunkan</i>	masyarakat India dengan cara yang saksama

**Jadual 2:** Metafora Perbuatan dalam Wacana Manifesto Pakatan Harapan

Data yang disenaraikan dalam **Jadual 2** merupakan sebahagian unsur metafora perbuatan yang terdapat dalam wacana manifesto Pakatan Harapan yang dapat ditafsir sebagai ideologi menyejahterakan rakyat. Sebagai contoh, item metafora perbuatan yang terdapat dalam data PM2P12A1 ialah *membersihkan Malaysia daripada rasuah dan kleptokrasi serta memacu pertumbuhan ekonomi mapan*. Kata kerja *membersihkan* bermaksud menjadikan sesuatu bersih dengan cara membasuh atau menyapu, namun kata kerja ini dikiaskan sebagai cadangan Pakatan Harapan untuk menghapuskan anggapan bahawa negara kita sebagai sebuah negara yang mengamalkan rasuah dan kleptokrasi. Pakatan Harapan berpendapat, jika negara kita berjaya dibersihkan daripada rasuah, maka pertumbuhan ekonomi akan menjadi mapan lantas akan dapat menyejahterakan rakyat.

Sebaik sahaja Pakatan Harapan membentuk kerajaan pada 10 Mei 2018, janji mereka untuk membersihkan Malaysia daripada rasuah dan kleptokrasi jelas apabila ramai bekas pemimpin UMNO dan Barisan Nasional termasuk bekas Perdana Menteri Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri dan ramai lagi bekas pemimpin politik yang lain didakwa atas pelbagai kesalahan rasuah dan salah guna kuasa. Menurut Tun Dr. Mahathir selaku Perdana Menteri, tindakan pendakwaan terhadap pelaku rasuah dalam kalangan pimpinan UMNO bukan kerana mereka dari parti itu, tetapi kerana jenayah pecah amanah yang telah dilakukan oleh pemimpin tersebut.

Seterusnya, data PM3P9A3 mengutarakan metafora perbuatan tentang *membangunkan ekonomi negara*. Menerusi pemanfaatan unsur metafora ini, jelas menunjukkan bahawa Pakatan Harapan ingin mewujudkan kesejahteraan ekonomi terhadap rakyat jika mendapat mandat memerintah negara. Dalam konteks bukan metafora, kata kerja *membangunkan* bermaksud menyuruh seseorang yang sedang tidur supaya bangun atau bangkit, namun dalam konteks metafora, perbuatan pada manusia ini dikaitkan dengan usaha Pakatan Harapan untuk menggerakkan atau membina semula ekonomi negara yang didakwa telah dimusnahkan oleh kerajaan Barisan Nasional. Iltizam Pakatan Harapan untuk membangunkan semula ekonomi negara dapat dilihat apabila parti ini dalam belanjawan sulung 2019 berjanji untuk memperkukuh tadbir urus, memperluas asas hasil negara, menambah baik pengurusan fiskal dan perolehan kerajaan serta menyusun semula peranan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) demi menyejahterakan rakyat.

Sementara itu, penafsiran ideologi menyejahterakan rakyat juga dapat diteliti menerusi aspirasi Pakatan Harapan untuk mewujudkan kesejahteraan sosial masyarakat Orang Asal. Hal ini dapat diperincikan menerusi data PM47P2A1 yang memanfaatkan unsur metafora perbuatan *mengangkat martabat serta membela hak komuniti Orang Asal*. Umum mengetahui bahawa Orang Asal merupakan pribumi yang juga layak mendapat pembelaan. Usaha untuk *mengangkat martabat serta membela hak komuniti Orang Asal* dapat diteliti menerusi inisiatif kerajaan Pakatan Harapan menyediakan Pelan Pembangunan Masyarakat Orang Asli Nasional yang menyeluruh

untuk menangani isu utama dihadapi masyarakat Orang Asli di negara ini. Inisiatif ini membuktikan kerajaan Pakatan Harapan komited untuk menambah baik peranan dan keperluan dalam mentadbir serta menjaga kepentingan Orang Asli, selaras dengan janji yang digariskan dalam Manifesto Pakatan Harapan. Dengan adanya Pelan Pembangunan Masyarakat Orang Asli ini, maka usaha untuk menyejahterakan rakyat seperti yang dimpikan oleh Pakatan Harapan mungkin akan tercapai.

Dalam aspek kesejahteraan sosial, komitmen Pakatan Harapan untuk memajukan ekonomi orang Melayu juga dapat menjadi bukti penafsiran ideologi menyejahterakan rakyat. Item PM72P1A2 misalnya, memanfaatkan metafora perbuatan *membawa wasasan mahu mempertingkatkan kedudukan ekonomi orang Melayu*. Dalam konteks ingin mempertingkatkan ekonomi orang Melayu, Pakatan Harapan mendakwa mereka akan *membawa wawasan* bagi memastikan survival orang Melayu dari segi ekonomi tercapai. Sebagai contoh, tawaran yang diberikan kerajaan Pakatan Harapan kepada pemilik dan pewaris Kampung Baru merupakan peluang terbaik untuk penduduk Melayu di Kampung Baru membina dan memperkukuh kedudukan ekonomi mereka. Pakatan Harapan mendakwa tawaran harga tanah RM1,000 satu kaki persegi tanah di Kampung Baru yang ditawarkan kepada pewaris adalah bertujuan untuk membangunkan ekonomi orang Melayu di tengah-tengah ibu kota dan secara tidak langsung membawa wawasan baru kepada masyarakat Melayu di kawasan bandar untuk menikmati kemajuan ekonomi sama seperti kaum-kaum lain. Kesimpulannya, keempat-empat data yang memanfaatkan metafora perbuatan ini dapat ditafsirkan sebagai usaha Pakatan Harapan untuk menerapkan ideologi mereka tentang menyejahterakan kehidupan rakyat.

## ii. Metafora Air

Kewujudan metafora air dalam wacana manifesto Pakatan Harapan juga dapat ditafsir sebagai ideologi menyejahterakan rakyat. Dalam wacana manifesto Pakatan Harapan, leksikal-leksikal yang lazimnya digunakan sebagai unsur air seperti *tiris*, *arus*, *alir* dan *harung* dimanfaatkan dalam menyampaikan ideologi parti. Menurut Yoga Yolanda (2018,) metafora air berkaitan corak pemikiran masyarakat yang memanfaatkan sifat air seperti kualiti dan kuantiti air, pergerakan air, keberadaan air dan fungsi air sebagai ekspresi untuk menjelaskan konsep lain yang bersifat abstrak atau tidak familier. Terdapat empat tujuan pemanfaatan air dalam wacana, antaranya adalah untuk menjelaskan ukuran rezeki, kemampuan, ilmu, nasihat, dan masalah, kedua metafora air untuk menjelaskan kepastian dan masalah, ketiga untuk menjelaskan perasaan, hubungan antara manusia dan pekerjaan dan terakhir bertujuan untuk menjelaskan pekerjaan dan nilai (Yoga Yolanda, 2018). Berdasarkan penelitian terhadap wacana manifesto Pakatan Harapan, terdapat 8% penggunaan metafora air dalam data kajian yang merangkumi unsur *harung*, *tiris*, *tenang* dan *alir*. Metafora air telah dikenal pasti wujud dalam 6 Perkara Manifesto (PM), iaitu PM7, PM8, PM43, PM44, PM60 dan PM63. **Jadual 3** memaparkan contoh metafora air dalam data kajian.

Unsur Air	Contoh
<i>Harung</i>	<b>PM7P2A2</b> Lebih buruk lagi, rakyat biasa di kampung-kampung dan di kawasan-kawasan FELDA juga menanggung sengsara dalam <i>mengharungi</i> kesempitan hidup. <b>PM7P4A1</b> Pakatan Harapan beriltizam untuk meringankan bebanan kehidupan rakyat dengan melaksanakan janji-janji yang terkandung di dalam buku ini dengan penuh tanggungjawab.



<i>Tiris</i>	<b>PM8P1A3</b> <i>Ketirisan</i> dan rasuah yang dilakukan oleh pemimpin UMNO dan Barisan Nasional kini terpaksa dibayar oleh rakyat melalui GST. <b>PM8P2A1</b> Pakatan Harapan akan menghapuskan GST dalam tempoh 100 hari selepas membentuk kerajaan Persekutuan.
<i>Tenang</i>	<b>PM44P11A1</b> Untuk membolehkan ibu bapa terus bekerja dengan hati yang <i>tenang</i> , Kerajaan Pakatan Harapan akan memastikan perkhidmatan penjagaan anak disediakan bagi anak berumur sehingga 12 tahun.
<i>Alir</i>	<b>PM60P12A1</b> Menyedari pentingnya <i>aliran</i> teknikal dan vokasional, Kerajaan Pakatan Harapan akan membangunkan <i>aliran</i> teknikal dan vokasional agar ia benar-benar setaraf dengan aliran lain dan bukan lagi sebagai pilihan.

**Jadual 3:** Metafora Air dalam Wacana Manifesto Pakatan Harapan

Metafora air *mengharungi* yang terdapat dalam data PM7P2A2 dapat dikaitkan dengan ideologi menyejahterakan rakyat. Dalam data ini, Pakatan Harapan menggambarkan peneroka FELDA *mengharungi* kesempitan hidup, contohnya *Lebih buruk lagi, rakyat biasa di kampung-kampung dan di kawasan-kawasan FELDA juga menanggung sengsara dalam mengharungi kesempitan hidup*. Pakatan Harapan mendakwa kesempitan hidup yang diharungi oleh peneroka FELDA dapat dikaitkan dengan kerugian yang dialami oleh anak syarikat FELDA, iaitu FGV. FELDA dilaporkan mengalami kerugian sebanyak RM2.064 bilion menerusi Felda Global Ventures Holding Bhd (FGV) sehingga 30 Jun 2017 dan menurut Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada ketika itu, Datuk Razali Ibrahim, kerugian itu berdasarkan kepada pegangan secara langsung sebanyak 21.25 peratus oleh FELDA di dalam FGV. Menurut Pakatan Harapan, kerugian yang dialami oleh FGV menyebabkan peneroka FELDA turut terkesan dan terpaksa mengharungi kehidupan dengan penuh mencabar lebih-lebih lagi harga komoditi sawit yang rendah serta kempen memburukkan minyak sawit Malaysia di Eropah yang telah memberi kesan terhadap harga minyak sawit. Oleh itu, azam Pakatan Harapan untuk membela masyarakat FELDA dapat dijelaskan dalam data PM7P4A1, iaitu Pakatan Harapan beriltizam *untuk meringankan bebanan kehidupan rakyat dengan melaksanakan janji-janji yang terkandung di dalam buku ini dengan penuh tanggungjawab*.

Data PM8P1A3 memaparkan *ketirisan* sebagai unsur metafora air. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2016, p.1697) *tiris* bermaksud bocor atau air yang keluar meleleh menerusi atap atau perahu. Dalam konteks data ini, *ketirisan* ialah amalan korupsi atau rasuah yang dikatakan berlaku dalam kerajaan sedia ada. Pakatan Harapan memanfaatkan unsur metafora air *ketirisan* bagi mengukuhkan mesej kepada rakyat bahawa kesan daripada amalan rasuah yang berlaku, rakyat terpaksa menanggung akibatnya melalui pelaksanaan GST dan cukai-cukai lain yang menekan. Isu 1MDB dan SRC International misalnya, merupakan antara isu *ketirisan* yang melibatkan pemerintah sedia ada dan Pakatan Harapan mendakwa kesan daripada isu *ketirisan* tersebut, rakyat terpaksa menanggung akibat seperti kenaikan harga barang dan kos sara hidup yang semakin meningkat. Berikutan daripada senario tersebut, Pakatan Harapan mendakwa kehidupan rakyat tidak lagi sejahtera seperti dahulu. Demi menyejahterakan rakyat, Pakatan Harapan tampil dengan janji untuk menghapuskan GST seperti yang diterangkan oleh data PM8P2A1, iaitu *Pakatan Harapan akan menghapuskan GST dalam tempoh 100 hari selepas membentuk kerajaan*

*Persekutuan*. Di samping itu, Pakatan Harapan turut berjanji untuk mengheret pesalah rasuah ke muka pengadilan. Oleh yang demikian, penggembleran unsur metafora air *ketirisan* signifikan dalam mengukuhkan ideologi menyejahterakan rakyat seperti yang diperjuangkan oleh Pakatan Harapan.

Unsur metafora air yang seterusnya ialah *tenang* yang ditunjukkan melalui item PM44P11A1. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2016, p.169), *tenang* merujuk air atau laut yang tidak berkocak atau tidak berombak. Dalam konteks menyejahterakan rakyat, azam Pakatan Harapan adalah untuk memastikan *ibu bapa terus bekerja dengan hati yang tenang*. Bagi merealisasikan janji tersebut, maka Pakatan Harapan akan memastikan *perkhidmatan penjagaan anak disediakan bagi anak berumur sehingga 12 tahun*. Janji Pakatan Harapan untuk menyediakan perkhidmatan penjagaan bagi anak berumur sehingga 12 tahun merupakan janji yang sangat baik jika dapat dilaksanakan. Sekiranya janji ini menjadi kenyataan sudah tentu ideologi untuk menyejahterakan rakyat dapat dicapai. Walau bagaimanapun, janji Pakatan Harapan untuk menyediakan perkhidmatan penjagaan anak sehingga berumur 12 tahun masih belum terlaksana dan kemungkinan janji ini tidak akan terlaksana memandangkan kerajaan Pakatan Harapan telah runtuh setelah lapan belas bulan menjadi kerajaan.

Seterusnya, ideologi menyejahterakan rakyat juga dapat diteliti menerusi unsur metafora air *alir*. Item PM60P12A1 menunjukkan cara Pakatan Harapan memanfaatkan metafora air bagi menyampaikan ideologi menyejahterakan rakyat dengan berjanji untuk memberi tumpuan terhadap *aliran teknikal dan vokasional* atau *TVET* jika berjaya menguasai Putrajaya. Hasrat Pakatan Harapan untuk mengangkat *aliran vokasional* dalam sistem pendidikan negara ini dilihat sangat penting berikutan permintaan yang tinggi terhadap lepasan vokasional pada masa sekarang. Hal ini demikian kerana bidang kemahiran bukan lagi pilihan terakhir untuk melanjutkan pengajian ke peringkat tinggi sejajar Revolusi Perindustrian 4.0 (IR 4.0). Menurut kajian pada 2016, sebanyak 59 peratus pelajar di Jerman melanjutkan pengajian dalam program berasaskan kemahiran, Belanda (68 peratus); Australia (62 peratus); Indonesia (51 peratus) dan Thailand (41 peratus). Di Malaysia, setakat ini hanya 28 peratus pelajar melanjutkan pengajian dalam bidang itu kerana masih ramai ibu bapa atau penjaga beranggapan, bidang kemahiran hanya untuk pelajar lemah dalam pencapaian akademik dan tidak mempunyai masa depan. Oleh yang demikian, pemanfaatan metafora air *aliran* dalam wacana manifesto Pakatan Harapan sedikit sebanyak dapat memperkukuh ideologi menyejahterakan rakyat yang ingin diterapkan oleh Pakatan Harapan.

### **iii. Metafora Pertanian**

Selain metafora air, metafora pertanian juga dimanfaatkan oleh Pakatan Harapan dalam manifestonya. Metafora pertanian ialah penggunaan kosa kata bidang pertanian untuk memberi kiasan tentang sesuatu hal yang ingin disampaikan. Menurut Ishak Bagea (2010, p.51) metafora pertanian merupakan satu daripada medium yang digunakan untuk mewariskan nilai-nilai budaya, adat-istiadat, nasihat, fikiran, perasaan mahupun perkara yang menjadi kebiasaan dalam kehidupan seharian. Dalam metafora pertanian tentang padi misalnya, aspek metafora yang dikaitkan seperti ekosistem manusia dengan unsur metafora yang mempunyai medan semantik dengan binatang, tumbuhan, benda mati, tenaga, kosmos dan manusia yang dikaitkan dengan bidang pertanian padi seperti mata pencarian, organisasi sosial, sistem pemerintahan agama dan kepercayaan (Ishak Bagea, 2010, p.51).

Dalam konteks wacana manifesto Pakatan Harapan, unsur metafora pertanian yang dikesan dalam penakrifan ideologi menyejahterakan rakyat ialah *tanah, batas, tumbuh dan kembang*. Jumlah

peratusan pemanfaatan metafora pertanian ialah 24% daripada keseluruhan aspek metafora yang terdapat dalam Perkara Manifesto (PM) menyejahterakan rakyat. Metafora pertanian paling banyak wujud dalam PM65, iaitu sebanyak 3 kali, manakala dalam PM12, PM38 dan PM39 masing-masing diulang 2 kali. Metafora pertanian juga wujud dalam PM2, PM3, PM15, PM19, PM31, PM52, PM80, PM87 dan PM90. Berdasarkan penelitian terhadap wacana manifesto Pakatan Harapan, keempat-empat unsur pertanian tersebut dapat diperhatikan dalam **Jadual 4**.

Unsur Pertanian	Contoh
<i>Tanah</i>	<b>PM2P6A1</b> Pakatan Harapan bertekad untuk mengembalikan kegemilangan <i>tanah</i> air kita, iaitu seperti yang diimpikan oleh rakyat seluruhnya.
<i>Batas</i>	<b>PM3P9A2</b> Kebebasan rakyat untuk bersuara <i>dibataskan</i> oleh pelbagai sekatan. <b>PM3P14A3</b> Lebih penting lagi, kami akan memastikan semua rakyat pelbagai bangsa dan agama dapat berkongsi hasil kemakmuran dan kemajuan negara secara adil dan saksama.
<i>Tumbuh</i>	<p><b>PM12P10A1</b> <i>Pertumbuhan</i> ekonomi digital dan ekonomi kreatif yang kini semakin popular di kalangan anak muda juga akan didorong oleh Kerajaan Pakatan Harapan. <b>PM12P10A2</b> Dalam rangka mencapai matlamat ini, kami akan mengambil langkah-langkah perlu untuk mengurangkan harga internet jalur lebar sehingga separuh daripada kadar sekarang, tetapi meningkatkan kelajuannya sebanyak dua kali ganda.</p> <p><b>PM66P5A1</b> Kerajaan Pakatan Harapan akan menggalakkan <i>pertumbuhan</i> sektor keusahawanan di kalangan anak muda.</p> <p><b>PM66P3A1</b> Kami akan menjamin kebebasan untuk aktivisme anak muda, serta menggalakkan <i>pertumbuhan</i> badan-badan sosial, kebajikan dan aktiviti intelektual awam yang diterajui anak muda.</p>
<i>Kembang</i>	<p><b>PM39P3A2</b> Mereka yang berkebolehan untuk <i>berkembang</i> ke luar negara akan diberi bantuan modal dan teknologi yang sewajarnya.</p> <p><b>PM29P4A2</b> Mereka ini akan diberi sokongan dan latihan yang diperlukan untuk membolehkan bakat mereka terus <i>berkembang</i>, dan kenaikan pangkat mereka dapat disegerakan.</p> <p><b>PM80P7A17</b> Membolehkan industri penjagaan domestik (<i>domestic caregiving industry</i>) <i>berkembang</i> agar wujud penjagaan berkualiti bagi warga emas yang memerlukan bantuan, ibu selepas bersalin, dan keperluan-keperluan lain.</p>

**Jadual 4:** Metafora Pertanian dalam Wacana Manifesto Pakatan Harapan

**Jadual 4** menyenaraikan contoh empat item yang memanfaatkan unsur metafora pertanian dalam wacana manifesto Pakatan Harapan, iaitu *tanah*, *batas*, *tumbuh* dan *kembang*. Data

PM2P6A1 misalnya memanfaatkan unsur metafora *tanah* yang bermaksud lapisan bumi yang di atas sekali dan lazimnya digunakan untuk bercucuk tanam. Dalam konteks data ini, pengemblengan unsur tanah yang terdapat dalam contoh ayat *Pakatan Harapan bertekad untuk mengembalikan kegemilangan tanah air kita* yang menjelaskan janji Pakatan Harapan untuk mengembalikan kegemilangan *tanah air* yang merujuk negara Malaysia. Janji untuk mengembalikan kegemilangan tanah air secara tidak langsung turut membayangkan ideologi Pakatan Harapan dalam menyejahterakan rakyat.

Berikutnya, item PM3P9A2 menunjukkan pemanfaatan metafora pertanian *batas* dalam wacana manifesto Pakatan Harapan. Perkataan *batas* secara literalnya bermaksud tanah yang ditambak atau permatang untuk aktiviti penanaman. Dalam data ini, pemanfaatan *batas* dalam *Kebebasan rakyat untuk bersuara dibataskan oleh pelbagai sekatan* adalah merujuk kebebasan bersuara rakyat yang didakwa disekat atau dihadkan semasa kerajaan Barisan Nasional berkuasa. Untuk menjamin kesejahteraan hidup rakyat, Pakatan Harapan berhasrat untuk tidak lagi membataskan suara rakyat lebih-lebih apabila demokrasi secara sihat sentiasa dilaungkan oleh Pakatan Harapan. Bukti yang menunjukkan ideologi kesejahteraan dalam hidup rakyat tercapai apabila kebebasan rakyat untuk bersuara tidak lagi *dibataskan*. Sebagai buktinya, kerajaan Pakatan Harapan sejak berkuasa telah berjaya mengubah sikap dan pemikiran rakyat Malaysia dan tidak lagi terkongkong untuk hanya mengundi parti kerajaan yang memerintah, malah, rakyat lebih berani untuk menyatakan bantahan jika kerajaan semasa membuat sebarang kesilapan. Hal ini terbukti dalam dua pilihan raya kecil yang terakhir yang memperlihatkan rakyat memberi mandat kepada parti pembangkang walaupun tidak mengubah sebarang komposisi kerajaan. Dengan ini jelas menunjukkan bahawa pengemblengan unsur metafora pertanian amat penting dalam menafsir ideologi sesebuah parti.

Metafora *pertumbuhan* yang dimanfaatkan oleh Pakatan Harapan juga dapat dikaitkan dengan penafsiran ideologi menyejahterakan rakyat. Metafora pertanian *pertumbuhan* bermaksud perihal tumbuh atau tentang perkembangan pokok. Dalam konteks data PM12P10A1, *pertumbuhan* yang dimaksudkan oleh Pakatan Harapan ialah *Pertumbuhan ekonomi digital dan ekonomi kreatif*, manakala data PM66P5A1 berkaitan *pertumbuhan sektor keusahawanan di kalangan anak muda* dan data PM66P3A1 menerangkan *pertumbuhan badan-badan sosial, kebajikan dan aktiviti intelektual awam yang diterajui anak muda*.

Sebagai contoh dalam data PM12P10A1, janji Pakatan Harapan untuk mewujudkan *pertumbuhan ekonomi digital dan kreatif* adalah dengan *mengurangkan harga internet jalur lebar sehingga separuh daripada kadar sekarang, tetapi meningkatkan kelajuannya sebanyak dua kali ganda* seperti yang diterangkan dalam data PM12P10A2. Selepas berjaya membentuk kerajaan, janji Pakatan Harapan tentang perkara ini dapat diteliti melalui pelaksanaan Standard Mandatori Mengenai Harga Capaian (MSAP) yang telah memanfaatkan lebih 1.5 juta pelanggan jalur lebar di seluruh negara berbanding dengan harga sebelum pelaksanaan MSAP. Menurut Pakatan Harapan, pelanggan pakej permulaan kini boleh menikmati penjimatan sebanyak RM50 sebulan atau RM600 setahun. Hal ini ternyata memberi kesejahteraan kepada rakyat dalam memafaatkan jalur lebar yang disediakan oleh kerajaan Pakatan Harapan berbanding semasa pemerintahan kerajaan Barisan Nasional. Inisiatif Pakatan Harapan untuk memastikan *pertumbuhan ekonomi digital dan kreatif* juga dapat diperhatikan apabila Program e-Tunai Rakyat diperkenalkan bagi menggalakkan penggunaan e-dompet dengan pemberian RM30 yang boleh ditebus melalui satu daripada tiga pengendali e-dompet terpilih iaitu Grab, Boost atau Touch 'n Go. Bagi Pakatan Harapan, inisiatif e-Tunai Rakyat akan menjadi platform bagi pembayaran subsidi pada masa

hadapan. Hal ini menunjukkan bahawa metafora pertanian *pertumbuhan* yang dimanfaatkan dalam wacana manifesto Pakatan Harapan menunjukkan keazaman Pakatan Harapan untuk menyejahterakan rakyat dari aspek ekonomi dan sosial.

Sementara itu, pemanfaatan unsur metafora *berkembang* juga dapat dikaitkan dengan ideologi menyejahterakan rakyat yang ingin dibawa oleh Pakatan Harapan. Maksud metafora pertanian *berkembang* ialah mekar terbuka seperti kuntum bunga. Berdasarkan data yang telah dikenal pasti dalam wacana manifesto Pakatan Harapan, unsur metafora *berkembang* dapat dilihat dalam data PM39P3A2, PM29P4A2 dan PM80P7A17. Bagi data PM39P3A2, unsur *berkembang* dapat diteliti apabila Pakatan Harapan ingin mengembangkan potensi ekonomi bumiputera dengan memberi bantuan modal dan teknologi kepada golongan bumiputera agar *berkembang ke luar negara*. Perkara ini merujuk Industri Kecil dan Sederhana (IKS) kerana sektor ini memberi pekerjaan kepada lebih daripada 65 peratus rakyat Malaysia. Menurut laporan Sabah News Today (2019), Ekspo Malaysia International Halal Showcase (Mihis) 2019 telah memberi peluang cerah kepada Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Sabah untuk menembusi pasaran halal dunia. Hal ini demikian kerana 11.9 peratus pasaran halal dunia daripada perbelanjaan global 2016 akan memberi manfaat kepada 16 syarikat IKS Sabah untuk menembusi pasaran antarabangsa. Penganjuran ekspo ini secara tidak langsung menunjukkan komitmen Pakatan Harapan untuk menyejahterakan rakyat, khususnya kepada IKS akan tercapai. Begitu juga dengan data PM29P4A2 apabila Pakatan Harapan berjanji jika mereka berkuasa, mereka ingin memberi sokongan dan latihan yang mencukupi kepada penjawat awam agar *bakat mereka terus berkembang, dan kenaikan pangkat mereka dapat disegerakan*.

Seterusnya penggemblengan metafora pertanian *berkembang* dalam data PM80P7A17 adalah untuk menyejahterakan rakyat khususnya warga emas dan kaum ibu. Dalam data ini, Pakatan Harapan berjanji untuk memberi perhatian terhadap *industri penjagaan domestik (domestic caregiving industry) berkembang* khusus bagi warga emas dan kaum ibu *agar wujud penjagaan berkualiti bagi warga emas yang memerlukan bantuan, ibu selepas bersalin, dan keperluan-keperluan lain*. Apabila berjaya berkuasa, komitmen Pakatan Harapan untuk memberi perhatian kepada warga emas dapat dilihat menerusi cadangan untuk mewujudkan Akta Khas Melindungi Warga Emas yang membuktikan betapa kerajaan Pakatan Harapan lebih prihatin dan peduli terhadap nasib warga emas yang ada dalam negara ini. Cadangan akta ini akan dibawa ke parlimen memandangkan kurangnya pembelaan terhadap warga emas yang dikatakan sering diabaikan dan didera. Dengan memastikan industri penjagaan domestik berkembang, maka hasrat untuk menyejahterakan rakyat Malaysia khususnya kepada warga emas dan kaum ibu seperti yang didakwa oleh Pakatan Harapan akan tercapai.

#### **iv. Metafora Peperangan**

Pemanfaatan metafora peperangan dalam wacana manifesto Pakatan Harapan juga dapat menafsir ideologi yang ingin disampaikan oleh Pakatan Harapan. Dalam sesuatu wacana, leksikal-leksikal yang lazimnya wujud dalam aktiviti peperangan seperti *musuh, benteng, serang, kubu* dan sebagainya dimanfaatkan bagi tujuan penyampaian sesuatu mesej. Menurut Asmah Omar (2003, p.95), metafora peperangan lazimnya berkaitan konflik dan tindakan konflik yang memanfaatkan metafora sebagai konsep yang merujuk aktiviti bersifat konflik seperti berjuang, bergelut, bermati-matian, berada di barisan hadapan, tamparan dan pukulan. Metafora peperangan *berjuang* misalnya berkaitan sesuatu yang dilakukan dengan bersungguh-sungguh atau kerja keras (*very*

*hard*) (Asmah, 2003, p.96). Hal ini dilihat sesuai dengan iltizam dan tekad Pakatan Harapan untuk berjuang dan berusaha bersungguh-sungguh bagi memenangi PRU ke-14.

Berdasarkan penelitian yang telah dilakukan terhadap wacana manifesto Pakatan Harapan, terdapat 4% leksikal metafora peperangan telah dimanfaatkan, antaranya seperti *juang* dan *tikai*. Metafora peperangan wujud dalam tiga Perkara Manifesto (PM), iaitu PM2, PM39, PM58. **Jadual 5** memaparkan contoh data yang memanfaatkan metafora peperangan.

Unsur Peperangan	Contoh
<i>Juang</i>	<p><b>PM2P10A1</b> <i>Perjuangan</i> Pakatan Harapan adalah untuk menjamin kesejahteraan hidup seluruh rakyat, tanpa mengira kaum, bangsa dan agama.</p> <p><b>PM39P7A1</b> Kerajaan Pakatan Harapan juga akan mengangkat kedudukan badan-badan bukan kerajaan yang <i>memperjuangkan</i> status ekonomi Melayu dan Bumiputera, seperti Majlis Perundingan Melayu atau badan-badan lain, sebagai rakan dialog rasmi kerajaan.</p>
<i>Tikai</i>	<p><b>PM58P5A1</b> Satu Tribunal Khas Tanah Adat akan ditubuhkan untuk menyelesaikan dengan segera <i>pertikaian</i> mengenai hak dan sempadan tanah adat serta menyelesaikan longgokan kes tertunggak.</p>

**Jadual 5:** Metafora Peperangan dalam Wacana Manifesto Pakatan Harapan

Berdasarkan item PM2P10A1, metafora peperangan yang terdapat dalam data ini dapat dikesan melalui frasa *Perjuangan Pakatan Harapan*. Unsur metafora ini dimanfaatkan bagi menunjukkan kesungguhan dan komitmen Pakatan Harapan dalam melaksanakan ideologi mereka untuk menyejahterakan rakyat. Hal ini dilihat bertepatan dengan konsep metafora perjuangan seperti yang ditekankan oleh Asmah Omar (2003, p.96) yang menyatakan bahawa *perjuangan* merupakan usaha keras yang dilakukan bagi mencapai sesuatu impian. Sehubungan dengan itu, *perjuangan* Pakatan Harapan untuk menyejahterakan rakyat dapat dikenal pasti apabila terdapat usaha keras parti ini dalam memastikan kesejahteraan hidup rakyat. Sebagai contoh, janji utama pakatan Harapan untuk memansuhkan GST juga sudah diambil dengan memperkenalkan GST pada kadar sifar bermula 1 Jun 2018 dan digantikan dengan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) yang berkuat kuasa pada 1 September 2018. Pakatan Harapan mendakwa, pemansuhan GST ini merupakan *perjuangan* terbesar mereka dalam usaha untuk memastikan kesejahteraan hidup rakyat.

Frasa *memperjuangkan status ekonomi Melayu* dalam data PM39P7A1 dimanfaatkan oleh Pakatan Harapan juga boleh dikaitkan sebagai ideologi menyejahterakan rakyat. Dalam data ini, Pakatan Harapan berhasrat untuk *mengangkat kedudukan badan-badan bukan kerajaan yang memperjuangkan status ekonomi Melayu dan Bumiputera, seperti Majlis Perundingan Melayu atau badan-badan lain, sebagai rakan dialog rasmi kerajaan*. Setelah berjaya membentuk kerajaan, perjuangan Pakatan Harapan untuk memperkasakan ekonomi Melayu dan Bumiputera dapat dilihat melalui penganjuran Konvensyen Karamah Bangsa anjuran Universiti Teknologi MARA (UiTM) pada 6 September 2018 yang turut dihadiri oleh Majlis Perundingan Melayu.

Antara intipati konvensyen ini adalah untuk membincangkan rizab tanah Melayu yang dikatakan semakin menyusut kepada dua belas peratus.

Berikutnya, Pakatan Harapan turut memanfaatkan metafora peperangan tentang *pertikaian*. Hal ini dapat diperincikan menerusi data PM39P7A1. Maksud *pertikaian* ialah pertelingkahan, persengketaan atau pertentangan. Pada pandangan Pakatan Harapan, isu tentang tanah adat khusus melibatkan tanah adat masyarakat Orang asli serta di Sabah dan Sarawak seharusnya perlu diselesaikan dengan penubuhan satu tribunal khas. Pakatan Harapan mendakwa isu yang telah lama berlanjutan ini belum dapat diselesaikan oleh kerajaan Barisan Nasional, malah telah menimbulkan pelbagai *pertikaian* sehingga didakwa tiada kesejahteraan dalam hidup masyarakat Orang Asal dan bumiputera Sabah dan Sarawak. Antara *pertikaian* yang timbul ialah Kerajaan Perak misalnya menjelaskan bahawa ketiadaan tanah adat untuk Orang Asli di Perak telah termaktub dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri. Hal ini menunjukkan bahawa kerajaan Barisan Nasional belum mewujudkan undang-undang tanah adat bagi Orang Asli di Perak walaupun sudah lebih enam puluh tahun memerintah. Pemanfaatan metafora *pertikaian* dalam wacana manifesto Pakatan Harapan ini secara tidak langsung menunjukkan usaha bersungguh-sungguh Pakatan Harapan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh rakyat walaupun usaha tersebut masih belum mencapai kejayaan.

### **Kesimpulan**

Keempat-empat metafora yang digembleng dalam wacana manifesto Pakatan Harapan membuktikan bahawa aspek metafora signifikan dalam usaha Pakatan Harapan mempromosikan ideologinya. Pemanfaatan metafora bukan hanya dapat mengindahkan aspek bahasa, malah yang jauh lebih penting rakyat dapat memahami dengan jelas iltizam Pakatan Harapan dan seterusnya memahami ideologi yang ingin disampaikan oleh parti tersebut bagi menghadapi PRU ke-14.

### **Rujukan**

- Asmah Omar. (2003). *Concepts of conflict, war and peace in the Malay language*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya.
- Fairclough, Norman. (1989). *Language and power*. Second edition, London: Longman.
- Henry Guntur Tarigan. 1993. *Pengajaran semantik*. Penerbit Angkasa: Bandung.
- Ishak Bagea. (2010). Metafora dalam Bidang Pertanian Padi Masyarakat Dayak Buket Kabupaten Kutai Barat Kalimantan Timur (suatu Tinjauan Linguistik Antropologi). *Jurnal Humaniora*, 22 (1), 43-51.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Nirwana Sudirman, Zulkifley Hamid, Masitah Mad Daud & Nik Zulaiha Zakaria. (2017). Metafora konsepsi dan skema imej sebagai cerminan pemikiran dan kehidupan orang Melayu. *Jurnal e-Bangi*, 12, 1-15.
- Rahman Shaari. (1993). *Memahami gaya bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rohaidah Haron. (2016). *Bahasa dan identiti wacana Mohd Najib Razak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yoga Yolanda. (2018). Metafora air dalam peribahasa Indonesia: kajian semantik kognitif. Retrieved from <http://mulok.library.um.ac.id/index3.php/87953.html>